

SIDANG MEDIA
BAJET TAHUN 2012
Oleh
Y.BHG TAN SRI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
19 DISEMBER 2011

“ KE ARAH KESEJAHTERAAN WARGA KOTA ”

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat saya buat kali ketiganya membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
2. Pada 8 Disember 2011, Y.B Menteri Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar telah meluluskan bajet 2012 bagi diuruskan oleh DBKL dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang maju dan sejahtera. Cabaran persekitaran sosial dan pembangunan yang semakin pesat menuntut satu perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi citarasa warga kota dan keperluan pelanggan DBKL yang melibatkan 2.0 juta pengguna perkhidmatan perbandaran termasuk 1.7 juta warga kota.

PRESTASI KEWANGAN DBKL

3. Prestasi Kewangan 2010 yang telah diaudit dan dibentangkan di Parlimen (Dewan Rakyat) adalah memberansangkan. Prestasi kewangan ini dijangka akan lebih baik bagi tahun kewangan 2011.
4. Berasaskan kepada prestasi yang baik ini DBKL dapat menyediakan bajet 2012 dan merupakan bajet yang lebih besar berbanding tahun-tahun sebelum ini. Bajet ini disediakan bukan sahaja untuk melaksanakan program

dan aktiviti perbandaran tetapi juga kesinambungan kepada program dan aktiviti pembangunan 2011 disamping penambahan beberapa program baru.

5. Untuk makluman bahawa DBKL sentiasa menguruskan kewangan secara berkesan dan teratur di mana bagi tahun kewangan 2010 DBKL sekali lagi dianugerahkan sijil bersih (Tidak Berteguran) oleh Ketua Audit Negara.
6. Antara aspek kejayaan ialah peningkatan jumlah pendapatan melebihi RM407 juta kepada RM1.45 billion daripada tahun sebelumnya. Prestasi hasil ini dijangka akan meningkatkan lagi dalam Penyata Kewangan tahun 2011.
7. Walau pun tiada kenaikan kadar cukai taksiran dan nilai tahunan, hasil cukai masih meningkat kerana penambahan bilangan hartanah yang dikenakan cukai taksiran. Penambahan bilangan hartanah ini adalah hasil dari kemakmuran dan pertumbuhan pesat hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
8. Kepesatan pembangunan ini juga telah meningkatkan hasil caj pembangunan melalui kenaikan kadar dan kaedah pengiraan serta kutipan caj pembangunan yang dikenakan. Disamping itu, DBKL telah berjaya berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk mengutip RM 100 juta bagi hasil-hasil yang tertunggak seperti tunggakan cukai taksiran, tunggakan sewa perumahan dan sewaan gerai penaja.
9. Pengurusan kewangan yang cekap ini melalui perbelanjaan berhemah yang dapat mengimbangi kenaikan kos pengurusan dan dapat melunaskan bayaran balik pinjaman pembangunan perumahan awam daripada kerajaan persekutuan mengikut jadual, walau pun DBKL terpaksa menanggung defisit dalam akaun perumahan awam.
10. Kedudukan aliran dan rizab tunai DBKL sehingga akhir tahun 2010 berada pada tahap nisbah 1.4 yang mampu membiayai 12 bulan perbelanjaan operasi. Nisbah ini dijangka dapat dikekalkan bagi tahun kewangan 2011.

BAJET 2012

11. DBKL akan menyediakan Bajet 2012 dengan peruntukan sebanyak **RM2.303** billion, iaitu **RM1.378** billion disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM925.27** juta pula adalah untuk Peruntukan Pembangunan.
12. Bajet 2012, ini dirangka selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang dijadikan halatuju pengurusan dan pembangunan Kuala Lumpur serta selari dengan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar.
13. Pelan Strategik DBKL mengariskan Lima (5) Matlamat dengan Tujuh Belas (17) Terasnya pula membentuk Kerangka Strategi kepada arah tuju tersebut. Lima Matlamat tersebut adalah :
 - i. **Bandaraya Milik Warga Kota (City For People)** yang menekankan persekitaran yang berkualiti dan mudah sampai, mengamalkan cara hidup sihat dan selamat, saling berhubung dan menghormati keunikan masing-masing serta harmoni'
 - ii. **Kemakmuran Ekonomi (Economic Prosperity)** memberi peluang pertumbuhan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berupaya menawarkan kepelbagaian jenis perniagaan. Selain dari itu wujud kesamarataan peluang dalam kegiatan ekonomi di kalangan warga kota serta keseimbangan pemilikan harta'
 - iii. **Bandaraya Saling Bersaring (Connected City)** menyediakan rangkaian pengangkutan awam, jalan dan laluan pejalan kaki, kenderaan bermotor yang bersepadu dan mampuguna untuk kemudahsampaian warga kota ke kawasan perdagangan dan perkhidmatan serta boleh berhubung secara maya'
 - iv. **Bandaraya Eko (Eco City)** menjadikan persekitaran yang sihat, kawasan hijau yang mencukupi dengan kualiti hidup tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang baik

- v. **Bandaraya Tadbir Urus Cekap (Good Governance)** *melahirkan pentadbir yang telus, bertanggungjawab, adil, cekap dan berkesan'*
- vi. DBKL sebagai agensi kerajaan sentiasa mendukung dasar kerajaan seperti Konsep 1Malaysia; Rakyat DiDahulukan, Pencapaian Diutamakan dan berperanan dalam merealisasikan Pelan Transformasi Kerajaan atau GTP dan Pelan Transformasi Ekonomi Kerajaan atau ETP. Ini diterjemahkan melalui peranan Bandaraya untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*.

STRATEGI BAJET 2012

- 14. Bajet 2012 kali ini adalah bertemakan "**Ke Arah Kesejahteraan Wargakota**". Ini selari dengan Visi DBKL iaitu '*Merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi citarasa wargakota'* dan yang bercirikan Wilayah Persekutuan Maju serta Bandar Sejahtera.
- 15. Bagi menyelaraskan segala aktiviti yang dirancang selari dengan tema "**Ke Arah Kesejahteraan Wargakota**", DBKL akan memberi penekanan kepada 7 strategi utama berikut :-

- Pertama : Memperkasakan Urustadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**
- Kedua : Mempertingkatkan Kebersihan Bandar**
- Ketiga : Mempertingkatkan Kemudahan Infrastruktur : Jalan Raya Dan Lampu Jalan, Sistem Lalulintas Dan Perparitan Serta Sungai**
- Keempat : Penghijauan Dan Penyelenggaraan Taman-Taman Rekreasi Serta Tanah Lapang Secara Intensif**

- Kelima : Memperbanyakkan Program Kemasyarakatan, Kebudayaan, Sukan dan Kesihatan**
- Keenam : Membudayakan Program Penyelenggaraan Harta DBKL Dan Harta Awam**
- Ketujuh : Menyediakan Unit Kediaman Mampu Milik Dan Memasyarakat Program Penyelenggaraan Perumahan Awam & Perumahan Rakyat**

RINGKASAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

16. Di bawah peruntukan mengurus, **RM362.97juta(26.3%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM46.53juta(3.4%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa, **RM910.87 juta(66.1%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan. Sejumlah **RM6.88juta (0.5%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset. Manakala **RM31.54juta(2.3%)** diperuntukan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan baki **RM19.69juta(1.4%)** adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain. Peruntukan Mengurus ini telah meningkat sebanyak **8.3%** berbanding peruntukan mengurus tahun 2011.
17. Di bawah peruntukan pembangunan pula, sebanyak **RM925.28 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Pecahan peruntukan terbahagikepada **RM531.68juta** dibiayai oleh DBKL, **RM393.59 jutamerupakan** pembiayaan daripada kerajaan dan swasta di mana **RM228.74 jutadiperuntukkan** bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), **RM4.25 juta** bagi program khas tebatan banjir. Seterusnya, **RM41.59 juta** diperuntukan bagi projek NKRA iaitu **'Park & Ride'** dan Hentian Bas, **RM107 juta** bagi kerja-kerja pembersihan sungai di bawah program **Greater KL/KV, Greener KL, 'Pedestrian Linkages' dan 'Global Attraction'**. Manakala sejumlah **RM12juta** bagi projek laluan pejalan kaki berbumbung yang akan disumbangkan oleh Petronas.

BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

Emolumen

18. Sejumlah **RM362,976,700** atau **26.3%** daripada peruntukan mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji dan bayaran-bayaran elaun perkhidmatan untuk 11,521perjawatan.Ini merangkumi jawatan tetap sebanyak 9,699 perjawatan dan jawatan kontrak sebanyak 1,822 perjawatan. Anggaran peruntukan ini telah meningkat sebanyak **10.2%** berbanding dengan peruntukan 2011 yang berjumlah **RM329,449,000** kerana penyusunan semula struktur organisasi dan kenaikan gred beberapa jawatan serta mengambilkira penyelarasan semula kenaikan gaji di bawah Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) seperti mana yang diumumkan oleh pihak Kerajaan.

Program – Program Peruntukan Mengurus Dan Pembangunan

Program Pengurusan dan Pentadbiran

19. Dalam usaha memperkasa urus tadbir DBKL bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kakitangan seramai 11,521 orang, sejumlah **RM164.57juta** diperuntukan untuk melaksanakan program dan mempertingkatkan kemudahan pengurusan seperti berikut:

- Walaupun DBKL memiliki 3 bangunan utama dan 11 pejabat cawangantetapi ruang pejabat masih tidak mencukupi untuk menempatkan kakitangan dan perlu menyewaruang pejabat lain. Disamping itu, pengurusan pentadbiran dan kewangan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sistem komputer bagi memastikan kakitangan dapat menjalankan tugas dengan lebih selesa dan cekap. Untuk tujuan ini sejumlah **RM66.21 juta** akan diperuntukan.
- Sementara itu sejumlah **RM55.02 juta** disediakan untuk bayaran kepada syarikat utiliti bagi tujuan bekalan elektrik, air, dan telefon.
- Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan disamping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan.

Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja lebih produktif. Sejumlah **RM24.78 juta** diperuntukan.

Program Pembersihan Bandar

20. Secara keseluruhan peruntukan bagi mempertingkatkan kebersihan bandar adalah sebanyak **RM196.1juta** disediakan. Ia merangkumi peruntukan sebanyak **RM125.05juta** bagi tujuan bayaran kontrak pembersihan yang selama ini dilaksanakan oleh Tetuan Alam Flora Sdn. Bhd. dan sebanyak **RM7.35 juta** bagi tujuan pembersihan siar kaki di Kuala Lumpur telah diambilalih melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) 2011 oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam pada 1 September 2011. Bagi memantau dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan bandar, DBKL telah melaksanakan penetapan jadual kerja dan **KPI** bagi tahap perkhidmatan (**service level**). Antara pengukuran yang diambil kira ialah dari segi kerja-kerja pungutan sampah dan pembersihan jalan serta longkang.
21. Di samping itu, DBKL juga memperuntukan sebanyak **RM63 juta** untuk program pemindahan sampah di Taman Beringin dan pelupusan sampah di Bukit Tagar Sanitary Landfills. Dianggarkan sejumlah 2,500 tan metrik sisa domestik dan sisa pukal perlu diuruskan oleh DBKL pada setiap hari.

Program Kemudahan Infrastruktur: Jalan Raya dan Lampu Jalan, Sistem Lalulintas Dan Perparitan serta Sungai

22. Bagi tahun 2012, DBKL akan memperuntukan sebanyak **RM96.75juta** dibawah peruntukan mengurus bagi kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula 33 batang jalan-jalan utama sepanjang 118.71km, jalan-jalan awam, kawasan perumahan dan lorong sisi/belakang diseluruh Kuala Lumpur yang dianggarkan 2000km termasuk kerja-kerja membaikpulih jalan dan persimpangan merbahaya serta longkang.
23. Peruntukan pembangunan sejumlah **RM263.89 juta** adalah bertujuan membina dan menaiktaraf jalan raya. DBKL merancang untuk melaksanakan 26 Projek di mana 18 projek merupakan pembiayaan DBKL dengan

anggaran sebanyak **RM128.3 juta** manakala 8 projek dibawah pembiayaan RMK10 sebanyak **RM135.59 juta**.

24. Berasaskan konsep Bandar Selamat dan Bandaraya Taman Bercahaya, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa cerah bercahaya dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalanraya. Pencerayaan jalan-jalan utama akan lebih meriah sewaktu perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali , Hari Krismas dan juga untuk peristiwa khas seperti Hari Wilayah Persekutuan, Hari Kebangsaan dan Formula One. Ini tujuan ini sejumlah **RM51 juta** disediakan dibawah peruntukan mengurus bagi penyelenggaraan 37,000lampu *lantern* untuk lampu jalan, lampu hiasan, lampu limpah dan termasuk bayaran bil elektrik dan pemasangan lampu awam dan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan dekoratif.
25. Untuk memastikan Bandaraya Kuala Lumpur mencapai matlamat menjadi Bandaraya Bersaring (connected city) yang mana mempunyai sistem perhubungan yang baik, bermaklumat dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya termasuk pejalan kaki sejumlah **RM86.36juta** disediakan di dalamBajet 2012.Program yang terlibat termasuklah penyelenggaraan *Intergrated Transport Information System (ITIS)*, CCTV, penyediaan ruang letak kereta, papan tanda jalan, bonggol dan ruang menunggu teksi serta bas.
26. Sementara itu di bawah peruntukan pembangunan sejumlah **RM96.69 jutadisediakan** bagi mempertingkatkan sistem lalulintas, pejalan kaki, sistem letak kereta dan hentian pengangkutan awam. Di bawah program ini sejumlah **RM22.9 juta** merupakan pembiayaan DBKL, RMK10 sebanyak **RM3.2 juta**, NKRA sebanyak **RM41.59 juta**, ***Greater KL/KV (Pedestrian Network)*** sebanyak **RM17 juta** dan sejumlah **RM12 juta** dibiayai oleh Petronas(***Pedestrian Linkages***).
27. Adalah dijangkakan DBKL menghadapi cabaran untuk menangani masalah banjir kilat yang mengakibatkan kerosakan harta benda dan juga nyawa. Sejumlah**RM84.1 juta** disediakan bagi kerja-kerja perparitan dan

penyelenggaraan sungai. Dibawah program ini sejumlah **RM10.35 juta** merupakan pembiayaan DBKL, RMK10 sebanyak **RM10 juta** (kerja-kerja penyelenggaraan sungai) **RM4.25 juta** melalui peruntukan khas tebatan banjir dan **RM59.5 juta** daripada peruntukan di bawah **Greater KL/KV (River Of Live)**.

Program Penghijauan Dan Penyelenggaraan Taman-Taman Rekreasi Serta Tanah Lapang

28. Aspek alam sekitar memainkan peranan penting bagi mengimbangi kepesatan hutan konkrit di sekitar Kuala Lumpur. Usaha untuk menghijaukan Bandaraya ini boleh dilaksanakan dengan menerapkan elemen landskap pada susun atur di semua taman awam, rangkaian kemudahan jalanraya dan tanah lapang. Ini akan merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari menjelang tahun 2020.
29. Di bawah peruntukan mengurus sejumlah **RM96.01 juta** disediakan bagi membiayai program penghijauan dan juga penyelenggaraan taman-taman awam di seluruh Kuala Lumpur. Peruntukan mengurus ini adalah bagi aktiviti pengindahan dan penyelenggaraan 3 taman utama, 19 taman awam, padang dan tanah lapang, penyelenggaraan sistem pancutan air dan nurseri pokok milik DBKL. Antara jumlah peruntukan yang terbesar adalah **RM24.5 juta** bagi tujuan pemotongan rumput. Sementara sejumlah **RM19.4 juta** disediakan bagi tujuan penyelenggaraan pokok dan bunga-bunga.
30. Di bawah peruntukan pembangunan pula, DBKL menyediakan sebanyak **RM96.4 juta** bagi tujuan menyediakan kemudahan serta menaiktaraf taman-taman rekreasi, pengindahan landskap, membina gelanggang futsal dan padang bola. Selain itu peruntukan sebanyak **RM17 juta** adalah dibiayai melalui RMK10 bagi pembangunan Taman Botani, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi dan menaiktaraf kemudahan bagi golongan OKU di taman awam. Di bawah program **Greater KL/KV** pula, sejumlah **RM14 juta** diperuntukan bagi projek **Greener KL**.

Program Kemasyarakatan, Kebudayaan, Sukan Dan Kesihatan

31. Bagi merealisasikan wawasan kebangsaan, program '**Komuniti Harmoni 1Malaysia**' turut dirancang. Sejumlah **RM24.08 juta** diperuntukan untuk warga kota Kuala Lumpur. Ini termasuklah program khas komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong. Tidak ketinggalan juga siri motivasi bagi golongan remaja, warga emas, golongan miskin dan ibu tunggal serta program khas OKU.
32. Bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur, sejumlah **RM7.32 juta** diperuntukan bagi kegiatan pertunjukan kebudayaan dan persembahan muzik.
33. Sementara itu, sejumlah **RM1.55 juta** turut diperuntukan bagi kegiatan sukan dan rekreasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
34. Selain memastikan warga kotanya berada dalam persekitaran yang bersih dan cantik, DBKL pada masa yang sama turut mengambil berat hal berkaitan penjagaan kesihatan yang berkait dengan masalah penyakit yang berpunca dari bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Untuk itu, DBKL telah memperuntukan sebanyak **RM6.52 juta** pada tahun 2012.

Program Membudayakan Penyelenggaraan Harta DBKL dan Harta Awam

35. Anggaran peruntukan mengurus bagi program ini adalah sebanyak **RM64.43 juta** yang meliputi penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan dan kawalan keselamatan bangunan. Ini termasuk bangunan milik DBKL dan pusat kemudahan sukan dan dewan orang ramai. Kos yang besar ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada orang ramai beriadah dan kegiatan social seperti berikut:-
 - Bayaran kawalan keselamatan bangunan dan harta awam berjumlah **RM16 juta**
 - Menyenggara 117 venue kemudahan sukan, 52 bangunan pasar berbangunan dan dewan orang ramai berjumlah **RM16.69 juta**
 - Penyelenggaraan dan pembersihan pejabat dan kuarters, rumah buruh dan lain – lain bangunan berjumlah **RM17.68 juta**

36. Anggaran peruntukan pembangunan berjumlah **RM181.28 juta** meliputi kerja-kerja membina, mengubahsuai dan menaiktaraf bangunan-bangunan pejabat, kemudahan awam, kemudahan OKU, pusat penjaja, pasar dan gerai, kemudahan sukan, kemudahan kakitangan, serta projek kecil perumahan. Projek-projek yang dibiayai oleh DBKL sebanyak **RM101.83 juta**, RMK10 sebanyak **RM62.95 juta** manakala **Greater KL/KV** berjumlah **RM16.5 juta**.

Program Menyediakan Unit Kediaman Mampu Milik Dan Memasyarakatkan Program Penyelenggaraan Perumahan Awam & Perumahan Rakyat

37. Pada masa sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menguruskan sebanyak 57,691 unit rumah sewa PPR dan PA. Dijangka DBKL akan menerima tambahan unit PPR MTEN sebanyak 3,792 pada tahun 2012 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 61,483 unit. Peruntukan menguruskan sebanyak **RM121.64 juta** disediakan bertujuan membaiki dan penyelenggaraan rumah-rumah warga melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan yang masih di bawah pengurusan DBKL.
38. DBKL merancang untuk membangunkan kawasan perumahan untuk tujuan penempatan setinggan dan menyediakan rumah mampu milik yang dianggarkan berjumlah 1,620 unit kepada mereka yang layak. DBKL telah mengenalpasti tapak pembangunan walau bagaimana pun ianya memerlukan kajian bagi menentukan kesesuaian tapak. Ini bagi memastikan kos pembangunan adalah pada tahap yang munasabah dan berpatutan. Anggaran kos pembangunan adalah sebanyak **RM230.8 juta** dan bagi tahun 2012 diperuntukan sejumlah **RM35 juta**. Berikut adalah tapak-tapak yang dicadangkan :

- Perumahan Awam Kg. Wira Jaya, Setapak– **RM10 juta**
- Perumahan Awam India Settlement, Kg Pandan– **RM10 juta**
- Perumahan Awam Sg. Udang, Segambut– **RM5 juta**
- Perumahan Awam Kos Rendah Setia Jaya, Setapak - **RM10 juta**

39. Semua projek ini akan dijual kepada orang awam dan merupakan projek *self-financing* . Disamping itu juga DBKL memperuntukan **RM5 juta** untuk membeli 350 unit yang ditawarkan oleh YTL. Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak **RM15 juta**.

Program Pembelian Aset

40. Sejumlah **RM6,880,700** daripada peruntukan mengurus disediakan bagi tujuan pembelian kelengkapan pejabat, alat elektronik dan aset-aset kecil untuk kegunaan pelbagai jabatan.
41. Peruntukan pembangunan sebanyak **RM59,791,200** disediakan bagi tujuan pembelian baru dan penggantian kenderaan, pembelian aset dan jentera serta pembelian peralatan komputer dan pembangunan sistem berkomputer.

Pemberian & Kenaan Tetap

42. Peruntukan mengurus bagi pemberian dan kenaan tetap adalah sebanyak **RM31,549,800**. Pembiayaan ini meningkat sebanyak **2.29%** berbanding tahun 2011. Peruntukan ini adalah untuk kemudahan kakitangan mendapatkan pinjaman dan biasiswa bagi memberi peluang kepada kakitangan dan anak kakitangan melanjutkan pelajaran. Disamping itu juga peruntukan untuk rawatan pesara dan tanggungan ibu bapa juga disediakan.
43. Manakala sumbangan kepada pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan, badan sukan serta badan sosial juga diberikan bagi membantu pembangunan badan sukan, persatuan-persatuan kebajikan, sosial, kesenian, kemasyarakatan untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya. Bayaran-bayaran untuk pinjaman balik kerajaan dan pemberian ganjaran kepada pekerja yang tamat kontrak juga diperuntukan.

Perbelanjaan Lain

44. Peruntukan mengurus sebanyak **RM26,208,950** disediakan bertujuan bagi pembiayaan cukai tanah, insuran, penilaian semula, bayaran pampasan dan bayaran perbelanjaan pelarasan tahun lepas.

45. Manakala di bawah peruntukan pembangunan sebanyak **RM60,110,000** disediakan bagi tujuan pengambilan tanah, kerja ukur dan hak milimik strata, pelan tempatan KL, pelan struktur KL dan *Local Agenda*21.

SUMBER HASIL, GERAN DAN PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT

46. Pada amnya hasil 2012 meningkat kepada **RM1,461,729,100** berbanding dengan **RM1,327,961,300** dalam tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak **10.1%**.
47. Cukai taksiran berjumlah **RM810.53 juta** masih merupakan hasil utama dimana menyumbang sebanyak **55.5%** hasil keseluruhan DBKL. Jumlah ini meningkat sebanyak **3.4%** kesan daripada pertambahan bilangan akaun pembayar cukai taksiran melalui pembangunan hartanah di Kuala Lumpur.
48. Lain-lain hasil utama termasuklah bayaran kawalan binaan dan perancangan sebanyak **RM239.7 juta**, hasil sewa perumahan dan caj perkhidmatan berjumlah **RM114.11 juta** dan lesen sebanyak **RM45.53 juta**.
49. Sementara itu DBKL dijangka akan menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat dalam bentuk geran berjumlah **RM112,750,000** iaitu geran penyelenggaraan jalan raya (*Marris*) berjumlah **RM36 juta**, geran khas sebanyak **RM4.5 juta** dan *outright grant* sebanyak **RM72 juta**.
50. Untuk menampung sebahagian daripada bajet pembangunan akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Program Khas Tebatan Banjir, NKRA dan **Greater KL/KV** sebanyak **RM381,590,000** dan pembiayaan swasta (Petronas) sebanyak **RM12 juta**.
51. Sejumlah **RM448,471,500** daripada rizab simpanan/pembangunan akan juga digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan pada tahun 2012.

PENUTUP DAN RUMUSAN

52. Secara keseluruhannya bajet 2012 adalah merupakan belanjawan *surplus* di mana DBKL dianggarkan mempunyai lebih sebanyak **RM83,214,700** setelah mengambil kira perbelanjaan operasi (Anggaran Hasil – Anggaran Perbelanjaan Mengurus) untuk disalurkan ke perbelanjaan pembangunan. Walaubagaimanapun, dengan mengambilkira anggaran perbelanjaan pembangunan sebanyak **RM925,276,200** bajet DBKL dijangka mengalami *defisit*.
53. Melalui program-program yang akan dilaksanakan, DBKL akan menumpukan segala usaha dan tenaga bagi merealisasikan pencapaiannya dalam tempoh tahun hadapan. Ini bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada wargakota Kuala Lumpur dan pelanggannya.
54. Program-program yang dilaksanakan dijangka dapat menyediakan segala infrastruktur serta kemudahan yang terbaik dan berkualiti pada tahun 2012.
55. Perbelanjaan yang berhemah dan memastikan projek-projek yang dijalankan mengikut spesifikasi dan jadual akan membantu mengurangkan pembaziran dan dapat meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan DBKL.
56. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas dijangkakan program dibawah peruntukan operasi dan projek-projek pembangunan dapat mencapai objektif DBKL dan Visi menjadi 'Bandaraya Bertaraf Dunia' serta Visi Wilayah Persekutuan 'Maju dan Sejahtera'.

SEKIAN.